

Buletin STATS Jelapang

BIL 1. EDISI PERTAMA . 2014





Pengarah
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh

Salam 1 Malaysia dan Salam 1 Statistik

Alhamdulillah, setinggi - tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan-Nya jua edisi pertama '**Buletin Stats Jelapang**' berjaya diterbitkan. Kejayaan menerbitkan **Buletin Stats Jelapang** merupakan satu lagi mercu tanda pencapaian Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah yang sentiasa berusaha mendekati pengguna produk dan perkhidmatan statistik yang dihasilkan oleh Jabatan.

Dalam persekitaran global yang dinamik dan pantas, penguasaan maklumat semakin menjadi tunjang kekuatan dalam semua bentuk proses membuat keputusan. Jabatan terus memanfaatkan arus pemodenan dan kepesatan teknologi terkini dengan mempelbagaikan kaedah pengumpulan, penyusunan dan penyebaran data. Akses kepada statistik dipermudah dan diperluaskan dengan tujuan agar produk statistik Jabatan boleh dimanfaatkan oleh pengguna statistik samada di peringkat Malaysia mahupun antarabangsa.

Berpegang kepada prinsip merakyatkan perkhidmatan statistik, maka amat wajar penerbitan Buletin Stats Jelapang menjadi wadah untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman Jabatan bersama khalayak pengguna statistik. Setiap detik peristiwa yang dilalui dan kejayaan yang dikecapi amat wajar dikongsi bersama dengan *stakeholders*, pengguna statistik dan semua pihak yang terlibat bekerjasama dalam sistem statistik Negara. Semoga maklumat yang dipersembahkan menjadi pemangkin inspirasi untuk meningkatkan *engagement*, iltizam dan budaya keberhasilan yang tinggi lagi terpuji oleh setiap warga Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua warga Jabatan yang melaksanakan tugas dengan komitmen dan berdedikasi tinggi. Tahniah dan syabas atas daya usaha sehingga penerbitan edisi pertama Buletin Stats Jelapang dapat dihasilkan. Saya amat berharap agar penerbitan buletin ini terus ditambah baik dan lebih cemerlang pada masa hadapan. Selamat membaca kepada pembaca yang budiman. Maklumbalas dan pandangan amatlah dialu-alukan, ia merupakan hadiah yang tidak ternilai demi kecemerlangan Buletin Stats Jelapang pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih jua.Wassalam.

MOHD YAZID BIN KASIM
Pengarah



Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh.

Salam 1 Malaysia, Salam 1 Statistik dan Salam Kedah Aman Makmur . Bersama Memacu Transformasi.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia-Nya buletin pertama Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah iaitu '**Buletin Stats Jelapang**' berjaya diterbitkan. Buletin sulung ini merupakan kombinasi idea dan lakaran kreativiti warga JP Negeri Kedah di dalam merealisasikan hasrat Jabatan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Sidang Redaksi dan semua warga kerja Jabatan dalam menjayakan penerbitan Jelapang Stats. Ucapan jutaan terima kasih kepada En. Mohd Yazid bin Kasim, Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah yang sentiasa memberi ruang dan peluang serta kepercayaan kepada Sidang Redaksi di dalam menghasilkan buletin sulung Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah. Segala usaha dan komitmen padu warga Jabatan amatlah dihargai di dalam menjayakan matlamat Jabatan sebagai 'Penjana Statistik Negara'.



Edisi pertama Buletin Stats Jelapang ini memuatkan aktiviti JP Negeri Kedah yang berlangsung di sepanjang tahun pertama 2014 dan sedikit sorotan aktiviti bagi tahun 2013. Keluaran ini juga dipadatkan dengan sisipan kenangan anggota Jabatan yang telah bersara serta tempat-tempat menarik di Negeri Kedah.

Akhir kata, semoga coretan berinformasi ini dapat menjadi penggerak berterusan wadah kreativiti dan inovasi warga Jabatan khasnya disamping menyalurkan perkembangan semasa jabatan.

.

Sekian, Wassalam.

ROSLIZA BINTI RAHIM
Penolong Pengarah



PENA KETUA PENGARAH

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh

Salam 1 Malaysia, Salam 1 Statistik dan Salam Kedah Aman Makmur. Bersama Memacu Transformasi.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, lantaran izin dan kehendakNya jua, Buletin Stats Jelapang berjaya diterbitkan buat pertama kalinya. Pemaktuban warkah berupa buletin rasmi ini diharapkan dapat menjadi wadah penyampaian maklumat yang bermanfaat kepada semua pembaca.

Buletin Stats Jelapang ini memaparkan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah (JP Kedah) sepanjang bulan Januari hingga Jun 2014. Antara aktiviti yang telah dijalankan bagi tempoh tersebut adalah Lawatan Kemajuan Kerja oleh Ketua Perangkawan Malaysia, Amalan 5S di JP Kedah, Seminar Transformasi Sosial dan Peranan Jabatan Perangkaan Malaysia, Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Perjumpaan Pengarah Bersama Anggota.

Selain itu, dimuatkan juga profil Pengarah JP Negeri Kedah, disulami imbasan aktiviti-aktiviti sepanjang tahun 2013, diselitkan dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang anggota dan disusuli tempat-tempat menarik bagi setiap daerah di Negeri Kedah.

Akhir kalam, adalah menjadi harapan agar penerbitan Buletin Stats Jelapang akan terus menjadi rangsangan dan medan pencetus idea kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk menghasilkan sebuah penerbitan yang lebih baik dan bermutu. Sekalung tahniah dan terima kasih kepada sidang redaksi dan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus untuk melahirkan penerbitan ini.

Sekian, Wassalam.

Nur Adilah binti Hassan
Penolong Pengarah

Kandungan

Perkara	Muka Surat
Perutusan Penaung	2
Tinta Penasihat	3
Pena Ketua Pengarang	3
Profil Pengarah	5
Lawatan Kerja Oleh Ketua Perangkawan Malaysia	6
Sesi Bersama Responden	7
Kumpulan Inovatif & Kreatif	8
Perhimpunan Jabatan	9
Sorotan Peristiwa	10 &11
Amalan 5S	12
Aktiviti Kelab Sukan & Rekreasi	13
Penyiasatan Terpilih	14
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	15
Jasamu Di Kenang	16
Penerapan Nilai-nilai Murni	17
Tempat- tempat Menarik	18 & 19

PENGARANG



EN SHAHBANI



EN MOHD RAFI



PN HAMIMAH



CIK NUR AZMINA



PN NORHAYATI



PN JALINA



EN SAHARUDIN



PN HJJ NORIZA



EN MOHD SAIFUL



EN MOHD ZAIDI



EN YAZID



PN FAIZATUL

JURUGAMBAR



EN AZRULSANY



EN MOHD HISYAM



EN NORAZMAN

PERCETAKAN



EN AZRULSANY



EN MOHD HISYAM



EN NORAZMAN

REKABENTUK



EN AZRULSANY



EN MOHD HISYAM



EN NORAZMAN

Nama	: MOHD YAZID BIN KASIM
Tarikh Lahir	: 19 Januari 1974
Tempat Lahir	: Johor Baharu, Johor.
Pendidikan Rendah	: Sekolah Kebangsaan Kem Lok Kawi, Sabah
Pendidikan Menengah	: Maktab Rendah Sains Mara Terendak, Melaka
Kelulusan	: Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi) UTM Johor



Pengalaman Kerja

BIL	TARIKH	BAHAGIAN	JAWATAN
1	Jul. 1998 - Jan. 2005	Bahagian Perangkaan Akaun Negara	Perangkawan N3
2	Feb. 2005 - Jan. 2006	Bahagian Perangkaan Akaun Negara	Perangkawan N44 (BTNP)
3	Feb. 2006 – Jul. 2007	Bahagian Perangkaan Akaun Negara	Perangkawan N44
4	Ogos 2007 – Apr. 2008	Bahagian Perangkaan Akaun Negara	Perangkawan E48
5	Mei 2008 – Mac 2009	Bahagian Perangkaan Akaun Negara	Timbalan Pengarah E52(M)
6	Apr. 2009 – Jun 2010	Bahagian Perangkaan Akaun Negara	Timbalan Pengarah E52
7	Jun 2010 – Apr. 2012	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak	Timbalan Pengarah E52
8	Mei 2012 - Kini	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah	Pengarah E52

Antara latihan / bengkel / kursus mesyuarat luar Negara yang pernah dihadiri.

BIL	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1	International Comparison Program for Asia and the Pacific (ICP Asia Pacific) regional Meeting of ICP National Coordinator and National Accountants.	ADB Headquartes, Manila	18 – 21 Jun 2007
2	Certified Trainer in Training on National Accounts Programme in Indonesia Organized by BPS & SE-STRIC	Jakarta, Indonesia	9 – 10 Jul 2007
3	Workshop on Developing Tourism Statistics and the Tourism Satellite Account (TSA) Project	Cebu, Philippines	21 – 22 Okt 2008
4	Fifth regional Workshop on Statistical Quality management and Fundamental Principles of Official Statistic: National Quality Assurance Frameworks.	Tehran, Iran	30 Sept. 2012 – 3 Okt 2012.

Antara latihan / bengkel / kursus mesyuarat dalam Negara yang pernah dihadiri.

BIL	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1	Developing Managerial Foundation for Supervisors and Executives	Grand Millennium, Kuala Lumpur	29-30 Jun 2009
2	Kursus Transformational leadership	ILSM, Sungkai, Perak	31 Okt – 2 Nov. 2012
3	Kursus Microsoft Access – rekabentuk pengkalan data	ILSM, Sungkai, Perak	2-4 Apr. 2012
4	Kursus Executive Technical Report Writing Skills	ILSM, Sungkai, Perak	28-30 Mei 2013
5	Kursus Pengurusan kewangan dan Tata tertib	ILSM, Sungkai, Perak	9-11 Okt. 2013
6	Kursus Pengurusan Emosi	LPPKN, Anak Bukit	15-Apr-14
7	Emerging Management Development Programme (2.0)	Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) Bandar Enstek, Negeri Sembilan	22-26 Jun 2014

YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman Bin Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia telah mengadakan lawatan kerja pada 23 Mac 2014 untuk melihat pelaksanaan Penyiasatan Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014/2015.

Sesi Dialog Bersama Pegawai dan Anggota Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah telah diadakan pada sebelah pagi. Di dalam amanat YBhg. Datuk Dr., beliau menekankan beberapa aspek penting yang perlu diberi perhatian sebagai penjawat awam. Antara tanggungjawab yang perlu dipikul oleh penjawat awam adalah memberi penerangan kepada orang awam (responden) berkaitan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kerajaan dalam proses pembangunan Negara disamping mengamalkan corak perbelanjaan berhemah.


Selepas sesi tersebut, YBhg. Datuk Dr. dibawa untuk melawat ke tempat kediaman yang terpilih dengan Penyiasatan ini. Sesi ini turut disertai Pengarah JP Negeri Kedah dan pegawai yang terbabit.



SEMINAR TRANSFORMASI SOSIAL DAN PERANAN JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah dan Perlis telah berjaya menganjurkan **Seminar Transformasi Sosial dan Peranan Jabatan Perangkaan Malaysia** pada 27 April 2014. Seminar ini bertujuan untuk menerangkan kepentingan peranan masyarakat untuk membekalkan maklumat yang diperlukan dalam Penyiasatan Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) dan Kemudahan Asas 2014 yang sedang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Seminar yang bertempat di Wisma Persekutuan, Bandar Mu'adzam Shah, Anak Bukit, Kedah ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan Haji Ismail bin Yusoff, Timbalan Ketua Perangkawan, Jabatan Perangkaan Malaysia. Seramai 137 orang peserta dikalangan Penghulu, Persatuan Penduduk, Agensi Kerajaan, Agensi Bukan Kerajaan (NGO), responden dan pihak media telah menghadiri seminar ini.





Kumpulan KIK JP Negeri Kedah atau lebih dikenali sebagai Kumpulan Helang telah ditubuhkan pada 20 Mac 2013. Kumpulan ini terdiri daripada 10 orang ahli yang diketuai oleh Cik Nur Azmina binti Ahmad Zuhkori dan seorang Fasilitator iaitu Puan Rosliza binti Rahim.

Kumpulan Helang telah menjalankan projek yang bertajuk ‘Prosedur Pengurusan Kerja Luar Kurang Efisien’. Dalam menjalankan projek ini, Sistem Kawalan Pergerakan Anggota (SKPA) telah dibangunkan bagi pengurusan kerja luar anggota. Hasilnya, Kumpulan Helang telah berjaya mendapat tempat ketiga bagi Kategori Pengurusan di Konvensyen KIK Jabatan Perangkaan Malaysia pada 8 hingga 10 April 2014.

HELANG

**MAJLIS PERHIMPUNAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
NEGERI KEDAH**



Majlis Perhimpunan Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah telah diadakan pada 12 Jun 2014 dengan kehadiran seramai 149 orang terdiri daripada anggota tetap dan Pegawai Sambilan Harian (PSH).

Majlis dimulakan dengan penyampaian amanat daripada Tuan Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah, En Mohd Yazid Bin Kasim dan diikuti dengan penyampaian sijil penghargaan kepada anggota JP Negeri Kedah yang telah memberi sumbangan dalam pelbagai aktiviti Jabatan. Antaranya adalah seperti aktiviti Sukan Antara Zon 2013 dan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) JP Negeri Kedah. Majlis ini turut diadakan bagi menghargai pegawai yang akan bersara, En. Ismail bin Abdullah dan Pn. Noryati binti Ibrahim.





SOROTAN PERISTIWA

Jabatan Perangkaan
MALAYSIA



MAJLIS PELANCARAN 5S
PERINGKAT JP NEGERI KEDAH



PROGRAM 'MY BEAUTIFUL MALAYSIA'



PROGRAM LITERASI STATISTIK
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI KEDAH
DI POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIIYAH, KULIM,
KEDAH



PERASMIAN SUKAN ANTARA ZON 2013



MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA
ANAK-ANAK YATIM & SOLAT TERAWIH



KUNJUNGAN HORMAT KE
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KEDAH



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN POSTER
TAHUN STATISTIK ANTARABANGSA
PERINGKAT NEGERI KEDAH



PAMERAN SEMPENA PROGRAM SYARAHAN ADJUNG
ANJURAN NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE
(NCRC) UUM



LAWATAN 5S DARIPADA JABATAN AKAUNTAN NEGARA
NEGERI KEDAH



SESI TEMUBUAL DI RADIO KEDAH FM, RTM



SEMINAR TRANSFORMASI SOSIAL DAN PERANAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



PUBLISITI MELALUI LED
DI JALAN LEBUHRAYA SULTANAH BAHIYAH, ALOR SETAR

AMALAN 5S**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI KEDAH**

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah telah diperakui Pensijilan Amalan 5S Sektor Awam bagi tempoh dua tahun mulai 15 Oktober 2013 sehingga 15 Oktober 2015. Majlis Penyampaian Sijil telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Ketua Perangkawan Malaysia pada 28 November 2013 di Hotel Perdana, Kota Baharu, Kelantan.



Jabatan telah menerima lawatan 5S daripada Jabatan Akauntan Negara Negeri Kedah pada 10 Mac 2014 dan Institut Aminuddin Baki, Cawangan Utara, Bandar Darul Aman pada 25 Mei 2014.

KELAB SUKAN & REKREASI JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI KEDAH

Kelab Sukan & Rekreasi (KSDR) Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah telah di tubuhkan pada tarikh 28 Januari 1992.

Keahlian anggota KSDR sehingga Disember 2013 adalah seramai 128 orang.

Jawatankuasa KSDR berkesempatan menjalankan aktiviti kelab seperti menganjurkan perlawanan persahabatan dalam beberapa acara sukan iaitu Ping Pong, Futsal, Badminton, Boling dan lain-lain anjuran Biro Sukan.



AKTIVITI SUKAN DALAMAN



MAJLIS PERSARAAN



MESYUARAT AGUNG KSDR PADA
13 MAC 2014

Beberapa program berbentuk nilai-nilai murni dan kebajikan telah dikendalikan di bawah Biro Sosial.

Manakala Biro Kebajikan dan Ekonomi pula menjalankan aktiviti seperti kutipan sumbangan untuk disalurkan kepada ahli kelab yang kematian ahli keluarga, menimang cahaya mata, ahli yang baru berkahwin, ahli yang berpindah keluar dan ahli yang bersara.



Jabatan Perangkaan
M A L A Y S I A

PENYIASATAN / BANCI TERPILIH

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang melaksanakan dua Penyiasatan / Banci penting dan terbesar di seluruh negara iaitu:

- ◆ Penyiasatan Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014/2015.
- ◆ Banci Perdagangan Edaran 2014.



PENYIASATAN PENDAPATAN, PERBELANJAAN ISI RUMAH DAN KEMUDAHAN ASAS 2014/2015

Penyiasatan Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014/2015 sedang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tempoh Januari hingga Disember 2014. Penyiasatan tersebut meliputi isi rumah yang tinggal di tempat kediaman persendirian yang melibatkan 83,456 isi rumah di seluruh Negara, termasuk 5,224 tempat kediaman yang terpilih di Negeri Kedah.

Objektif utama penyiasatan ini adalah untuk mengumpul maklumat pola taburan pendapatan dan perbelanjaan isi rumah, mengukur dan mengenalpasti tahap kemudahan asas yang dinikmati oleh isi rumah di Malaysia. Kaedah pengumpulan data yang dijalankan adalah melalui temu ramah bersemuka yang akan dikendalikan oleh pegawai dan anggota Jabatan yang terlatih.

BANCI PERDAGANGAN EDARAN 2014

Banci Perdagangan Edaran 2014 pula dilaksanakan bermula Mac hingga September 2014 dengan anggaran liputan di seluruh Malaysia berjumlah 700,00 syarikat/perniagaan. Syarikat/perniagaan yang beroperasi ini merangkumi subsektor perdagangan borong, perdagangan runcit, dan kenderaan bermotor.

Objektif utama banci ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang komprehensif dan terperinci mengenai struktur sektor perdagangan edaran yang akan digunakan dalam pengubalan rancangan dan dasar-dasar ekonomi Negara oleh sektor Kerajaan.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 (APC) telah diadakan pada 12 Jun 2014 di Dewan Perdana, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Seramai lapan (8) orang anggota JP Negeri Kedah telah menerima anugerah tersebut yang telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal. Senarai penerima-penerima anugerah adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA	JAWATAN	SEKSYEN
1.	Puan Zurina bt Saabon	Pembantu Perangkaan Gred E22 (KUP)	Perkhidmatan & Kewangan
2.	Puan Zatul'Iffah bt Hashim	Pembantu Perangkaan Gred E22 (KUP)	Pejabat Operasi Sg. Petani (POSP)
3.	Puan Sulaiha bt Mokhtar	Pembantu Perangkaan Gred E22 (KUP)	Prosesan & Analisis
4.	Puan Siti Rahmah bt Ismail	Pembantu Perangkaan Gred E22 (KUP)	Pejabat Operasi Sg. Petani (POSP)
5.	En Abd Malik Bin Abd Aziz	Pembantu Perangkaan Gred E17	Industri, Pertanian dan Alam Sekitar
6.	Puan Norilawati bt Hamid	Pembantu Perangkaan Gred E17	Pejabat Operasi Sg. Petani (POSP)
7.	Puan Hjh. Noriza Bt Don	Pembantu Tadbir Gred N17	Khidmat Sokongan & Perundingan
8.	Puan Hafizah bt Jalalaluddin	Pembantu Tadbir Gred N17	Khidmat Sokongan & Perundingan





JASAMU DIKENANG

Jabatan Perangkaan
MALYSIA

JP Negeri Kedah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas perkhidmatan cemerlang yang telah disumbangkan sekian lama kepada Kerajaan khususnya di JP Negeri Kedah. Semoga semua anggota yang telah bersara daripada Perkhidmatan Awam dikurniakan kesihatan dan kesejahteraan berpanjangan.



ZAKARIA AHMAD

TARIKH BERSARA
15 JANUARI 2014
PERSARAAN PILIHAN
53 TAHUN



**MOHD SHARIFF BIN
MOHD ZAIN**

TARIKH BERSARA
22 JANUARI 2014
PERSARAAN WAJIB
60 TAHUN



ISMAIL ABDULLAH

TARIKH BERSARA
31 JULAI 2014
PERSARAAN PILIHAN
55 TAHUN



NORYATI IBRAHIM

TARIKH BERSARA
05 OGOS 2014
PERSARAAN PILIHAN
55 TAHUN

PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI

Program Nilai-nilai Murni JP Negeri Kedah yang diadakan pada setiap bulan bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai murni dihati sanubari warga JP Negeri Kedah. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2014, program-program yang telah dijalankan adalah seperti berikut :

BIL	TAJUK PROGRAM	BULAN
1	Ceramah Maulidur Rasul 'Rasulullah Sebagai Pemimpin Agung'	Januari
2	Program Perarakan Selawat Mahabbatur Rasul - Kedah Berselawat	Februari
3	Program Alor Setar Berselawat	Mac
4	Ceramah Agama 'Jangan Takut Pada Cabaran, Tapi Takutlah Pada Kegagalan'	April
5	Ceramah Israk & Mikraj	Mei
6	Ceramah Agama 'Biasakan Yang Betul, Betulkan Yang Biasa'	Jun



TEMPAT-TEMPAT MENARIK




AIR PANAS ULU LENGGONG, DAERAH BALING



BATU HAMPAR, DAERAH BANDAR BAHRU



MASJID ZAHIR, DAERAH KOTA SETAR



MUZIUM PADI, DAERAH KOTA SETAR



MUZIUM LEMBAH BUJANG, DAERAH KUALA MUDA



PANTAI MERDEKA, DAERAH KUALA MUDA

TEMPAT-TEMPAT MENARIK



TASIK DARULAMAN, DAERAH KUBANG PASU



TREE TOP WALK, DAERAH KULIM



PULAU LANGKAWI, DAERAH LANGKAWI



LADANG ANGGUR, DAERAH SIK



GUNUNG JERAI, DAERAH YAN



PERIGI MANDI GAJAH, DAERAH PENDANG



Jabatan Perangkaan
M A L Y S I A

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI KEDAH

ARAS 1 & 5, ZON C, WISMA PERSEKUTUAN
KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
BANDAR MUAD'ZAM SHAH 06550 MUKIM ANAK BUKIT KEDAH
TEL : 04-7001240 FAKS : 04-7338412

PEJABAT OPERASI SUNGAI PETANI

TINGKAT 1, WISMA RIA, TAMAN RIA
08000 SUNGAI PETANI KEDAH
TEL : 04-4202900 FAKS : 04-4202901

PEJABAT OPERASI LANGKAWI

TINGKAT 5, PLAZA LANGKAWI, AYER HANGAT
07000 KUAH LANGKAWI
TEL : 04-9692900 / 04-9692901 FAKS : 04-9692903